

09/12/1998

Wisma Putra arah beri maklumat tepat

WISMA Putra mengarahkan Kedutaan Malaysia di seluruh dunia memberi penjelasan tindakan drastik kerajaan melaksanakan langkah ekonomi dan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kepada pemimpin politik, korporat dan media asing.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pegawai kedutaan turut dibekalkan maklumat dan fakta mengenai isu berkenaan bagi membolehkan mereka memberi penjelasan dengan berkesan, khususnya di negara yang ada kepentingan negara.

Selain itu, katanya, kementerian membekalkan salinan temubual Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai isu berkenaan untuk diedarkan kepada pemimpin negara berkenaan.

"Tindakan itu dilakukan bagi memberi penjelasan langkah drastik kerajaan," katanya menjawab soalan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar).

Menjawab soalan tambahan anggota yang sama, Abdullah berkata, Kementerian Luar juga bekerjasama dengan kementerian lain untuk memberi penjelasan berhubung isu itu, termasuk Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Kerjasama ini membolehkan kerajaan menjimatkan perbelanjaan berhubung penjelasan isu itu," katanya.

Sementara itu, ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 1999 kementerianya di peringkat jawatankuasa, Abdullah berkata, beliau turut mengambil kesempatan menjelaskan isu berkenaan kepada pemimpin asing ketika menghadiri persidangan Kumpulan Negara Berkecuali (NAM) di Durban dan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, baru-baru ini.

Katanya, ketika persidangan NAM ramai pemimpin asing berminat mendapatkan penjelasan berhubung langkah ekonomi kerajaan berbanding isu Anwar tetapi di PBB, perkara sebaliknya berlaku.

"Berdasarkan penjelasan itu, mereka berpuas hati kerana sebelum ini mereka mendapat penerangan yang berbeza," katanya sambil menambah ada negara memuji kerana Malaysia berani mengambil langkah drastik dari segi ekonomi.

(END)